

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SEU404 - Ekonomi Pembangunan Antarabangsa

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. Model dua lompang mengandaikan bahawa negara-negara membangun adalah memerlukan kepada kemasukan modal asing bagi menyelesaikan masalah-masalah dalaman dan luaran pembangunan ekonomi. Tunjukkan bagaimanakah lompang-lompang berkenaan boleh berlaku, dan apakah implikasi jika lompang-lompang tersebut tidak sama saiz. Dengan merujuk kepada pengalaman ekonomi Malaysia, lompang manakah yang lebih kritikal dan bagaimanakah masalah itu telah cuba diselesaikan?

[100 markah]

2. Ahli-ahli ekonomi pembangunan mempunyai justifikasi dan kontroversi terhadap pelaburan asing. Bincangkan justifikasi dan kontroversi yang dikemukakan berasaskan kepada pengalaman pembangunan ekonomi Malaysia.

[100 markah]

3. Pinjaman modal asing boleh menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi. Buktikan dan nyatakan syarat-syarat jika ada. Bagaimanakah pula banyak negara-negara membangun pada hari ini menghadapi masalah krisis hutang? Kemukakan saranan-saranan ke arah penyelesaian krisis tersebut.

[100 markah]

...2/-

4. Bagaimanakah perkembangan ekonomi negara asing boleh mempengaruhi perkembangan ekonomi negara ini. Buat satu analisis pantulan asing dan tunjukkan bagaimanakah kesannya ke atas pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Cadangkan langkah-langkah yang dapat mengurangkan kesan tersebut.

[100 markah]

5. Tunjukkan dan terangkan dengan terperinci secara gambarajah perhubungan imbalan pembayaran dengan objektif (i) peningkatan dan pemekatan pertumbuhan ekonomi dan (ii) pencapaian tingkat gunatenaga penuh bagi kebanyakan negara-negara dunia ketiga pada hari ini. Adakah Malaysia terkecuali daripada gambaran yang dikemukakan itu? Kenapa?

[100 markah]

6. Apakah yang ingin diselesaikan oleh negara menerusi strategi Tahun Melawat Malaysia? Bagaimanakah masalah itu boleh mendatangkan implikasi buruk ke atas pembangunan ekonomi negara jika tidak diselesaikan?

Bincangkan kesan-kesan baik dan buruk strategi tersebut baik jangka pendek mahupun jangka panjang di dalam pembangunan negara.

[100 markah]

7. Buat satu perbincangan ekonomi terhadap tujuan, prospek dan cabaran penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

[100 markah]